

No. 1/2021

6 Januari 2021

**KENYATAAN MEDIA**

**BIASISWA TAJAAN KERAJAAN JEPUN 2021 (MONBUKAGAKUSHO:MEXT)**

**PENGAJIAN JEPUN & LATIHAN PERGURUAN**

Kedutaan Jepun di Malaysia dengan sukacitanya mengumumkan bahawa Biasiswa Tajaan Kerajaan Jepun (Monbukagakusho:MEXT) untuk Pengajian Jepun dan Latihan Perguruan kini dibuka untuk permohonan sehingga **18 Februari 2021**. Rakyat Malaysia yang berkelayakan yang ingin melanjutkan pelajaran mereka di Jepun adalah dipelawa untuk memohon. Semasa tempoh biasiswa, elaun bulanan anggaran sebanyak 117,000 yen (ang. RM4,400) akan diberi kepada setiap penerima biasiswa Pengajian Jepun, dan 143,000 yen (ang. RM5,400) untuk setiap penerima biasiswa Latihan Perguruan (jumlah adalah tertakluk kepada perubahan). Yuran untuk peperiksaan kemasukan universiti, matrikulasi dan tuisyen di universiti adalah dikecualikan. Tiket kapal terbang pergi-balik juga disediakan.

**Syarat-syarat:**

**1. Pengajian Jepun (kursus non-degree setahun bermula dari Oktober 2021)**

- a) Pemohon mestilah berumur antara 18 hingga 29 tahun pada 1 April 2021 (dilahirkan antara 2 April 1991 dan 1 April 2003)
- b) Pemohon mestilah siswazah **tahun 2 atau tahun 3** (bukan pelajar tahun akhir) yang **major dalam Bahasa Jepun atau Kebudayaan Jepun** di mana-mana universiti selain universiti di Jepun.
- c) Pemohon mestilah mahir dalam bahasa Jepun.
- d) Permohonan mesti sampai di Kedutaan Jepun di Malaysia **sebelum pukul 4 petang pada 18 Februari 2021**. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi 03-2177-2600 (ext. 146)/[edu@kl.mofa.go.jp](mailto:edu@kl.mofa.go.jp) atau layari [https://www.my.emb-japan.go.jp/itpr\\_en/scholarship.html](https://www.my.emb-japan.go.jp/itpr_en/scholarship.html)

**2. Latihan Perguruan (kursus non-degree 1½ tahun bermula dari Oktober 2021)**

- a) Pemohon mestilah di bawah umur 35 tahun pada 1 April 2021 (dilahirkan pada atau selepas 2 April 1986).
- b) Pemohon mestilah siswazah universiti atau Maktab Perguruan yang telah bekerja sebagai guru di sekolah rendah atau menengah atau staf akademik di Maktab Perguruan dengan **sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman bekerja**.
- c) Pemohon mestilah mahir dalam Bahasa Inggeris dan berkebolehan untuk belajar Bahasa Jepun.
- d) Permohonan harus dibuat kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Malaysia. Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://www.jpa.gov.my> atau hubungi Unit Pengurusan Penawaran Dalam Perkhidmatan di 03-8885-3569 atau [ldp@jpa.gov.my](mailto:ldp@jpa.gov.my).

Kedutaan Jepun akan menghubungi pemohon yang memenuhi syarat sahaja (melalui emel) untuk menghadiri temuduga yang dijadangka berlangsung pada awal bulan Mac 2021.